

15/10/1997

Anasir 'Soros' dalam perjuangan bahasa

SAYA tidak begitu setuju apabila seorang teman membandingkan George Soros dengan tindakan Kementerian Pendidikan mengubah tradisi Pertandingan Bahasa Piala Perdana Menteri dengan menjadikan bahasa Inggeris sebagai acara kemuncak dan bukan bahasa Melayu seperti yang biasa dijalankan sejak pertandingan itu diadakan 23 tahun lalu (Lihat BH 26.9.97 dan 27.9.97 di bawah judul Bahasa: Ramai tokoh pendidikan terkilan dan Bahasa: Kesatuan turut bantah).

Hujah beliau ialah Soros dengan kegiatan spekulatif mata wangnya meruntuhkan ekonomi negara kita, yang menurut Perdana Menteri mengambil 20 tahun membinanya ke peringkat yang dicapai sekarang. Tindakan Kementerian Pendidikan terhadap Pertandingan Bahasa secara simbolik meruntuhkan martabat dan kejayaan yang diusahakan oleh kementerian mendaulatkan bahasa Melayu selama suku abad ini.

Saya diberitahu Persatuan Linguistik Malaysia sudah menemui Menteri Pendidikan mengenai perkara itu. Begitu serius mereka yang mempertahankan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi terhadap tindakan yang dilihat sebagai petanda mengubah dasar bahasa.

Bagi saya, membandingkan perbuatan yang kita tuduh Soros melakukannya dengan tindakan yang dilihat sebagai meruntuhkan apa yang dibina selama ini dari segi dasar bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi tidak berapa tepat. Yang boleh dibandingkan cuma bahagian meruntuhkan apa yang sudah kita bina.

Tetapi lebih jauh daripada itu perbandingannya tidak berapa kena. Pandangan saya ialah Soros melakukan spekulasi mata wangnya semata-mata hendak mencari untung besar dan tidak peduli atas untung nasib mereka yang mata wangnya merosot.

Tujuan tindakan seperti ini berbeza dengan apa yang dilihat sebagai mengubah dasar bahasa di negara ini. Kebetulan apa yang dilihat selalunya menyangkuti usaha meningkatkan penggunaan bahasa Inggeris. Seperti yang pernah saya perkatakan dulu, apabila dilihat situasi ini sebagai 'zero sum game' apa yang nampak ialah peningkatan satu pihak merugikan pihak lain.

Persepsi ini datangnya daripada cara dan gaya tindakan dilakukan, terutama apabila ia dilakukan seolah-olah tujuannya hendak mengubah dasar bahasa. Mungkin cara mengemukakan tindakan itu yang membangkitkan persepsi yang tidak dijangkakan. Mungkin inilah yang dimaksudkan dengan seruan 'bertindak dengan bijaksana' oleh Timbalan Perdana Menteri tidak lama dulu bersangkutan kontroversi lain dalam masyarakat kita.

Kita boleh membuat tekaan saja kenapa pihak yang menganjurkan pertandingan itu berbuat demikian. Saya tidak fikir pegawai bertanggungjawab berani mengubah dasar bahasa dengan sendirinya. Atau tindakan itu lahir daripada bacaannya terhadap apa yang dikehendaki pimpinannya dalam kementerian? Maklumlah, pegawai bukan saja 'khadam yang setia' (your obedient servant), bahkan mesti menunjukkan inisiatif seperti yang dihasratkan oleh yang di atas bagi kepentingan masa depannya.

Tidak seperti tindakan Soros yang tidak peduli jika ia memusnahkan pihak lain dalam masa ia mengejar keuntungan besar, tindakan mempertingkatkan penguasaan bahasa Inggeris pada asasnya bertujuan memanafaat kita. Dalam masa kita berusaha meningkatkan penguasaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi di negara ini tidak pernah kita mengabaikan peranan bahasa Inggeris. Kedudukan bahasa itu sebagai bahasa kedua dan bahasa mengejar ilmu pengetahuan terus dipupuk dan dijaga.

Yang selalu menimbulkan kontroversi di kalangan kita ialah tindakan dan kenyataan yang menimbulkan persepsi seolah-olah ada usaha mengkesampingkan bahasa Melayu daripada peranannya yang sudah dilembagakan di sisi Perlembagaan Negara. Yang tidak menyenangkan sekali apabila diutarakan pembangunan negara tidak akan tercapai melalui bahasa Melayu dan cuma melalui bahasa Inggeris sahaja ia berjaya dicapai.

Sebenarnya, kedua-dua bahasa itu perlu dalam pembangunan negara. Tidak semestinya satu meniadakan yang lain seperti dalam 'zero sum game' dan pengutaraan mestilah menampakkan situasi 'menang-menang', dan tidak semestinya merugikan satu pihak apabila satu pihak diberi sorotan. Dalam pada itu, rangka yang diwujudkan selama ini bahawa bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan rasmi haruslah dijaga dan tidak dinodai.

Dalam konteks inilah reaksi seperti yang tertera pada BH 26 dan 27 September lalu harus difahami. Apabila digandingkan pertandingan bahas kedua-dua bahasa itu secara serentak dan ditempatkan pula bahasa Inggerisnya sebagai kemuncak, walhal selama 23 tahun bahasa Melayulah yang menjadi mahkotanya, maka tertusuk sampai ke hulu hati perasaan kita yang kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan rasmi negara benar-benar dipinggirkan.

Bagi yang berfikir, kata-kata Dr Sanad Nasir sungguh mendalam ertinya. "Cara yang dilaksanakan penganjur cukup tertib yang memberi makna mendalam untuk difikirkan. Pertandingan itu hendaklah dibuat berasingan dengan penonton yang berbeza." (BH, 26 September 97).

Begitu juga dengan Setiausaha Agung, Kesatuan kebangsaan Guru Bahasa Melayu Se-Malaysia; beliau dipetik sebagai berkata: "KKGBMS tidak mahu kepemimpinan kita hanya berteori dengan cakap kosong, sedangkan di segi amalannya bahasa Melayu terus terpinggir." (BH 27/9/97). Perbuatan Soros di peringkat antarabangsa membawa padah buruk kepada negara kita. Episod Soros mendapat perhatian antarabangsa, bukan kerana keruntuhan ekonomi Dunia Ketiga seperti kita, tetapi mereka, terutama Barat, mempertahankan tindakannya dari segi kebebasan ekonomi kapitalis.

Pemimpin kita yang begitu lantang mengkritik Soros sebagai spekulator penyangak itu dilempar pelbagai kecaman oleh media Barat. The Economist awal-awal lagi (keluaran Ogos 2-8, 1997) cuba menunjukkan betapa 'buta hurufnya' pemimpin kita terhadap 'bagaimana sistem kapitalis bekerja'.

Keluaran 27 September 97 pula di bawah tajuk 'Mahathir's Roasting' bukan saja menuding jari kepada Dr Mahathir, tetapi cuba memecah-belahkan pucuk pimpinan negara. Apa yang patut diperhatikan ialah 'orchestration' atau tindakan berpadu media Barat mempertahankan prinsip pasaran bebas sebagai asas penguatkuasaan Barat ke atas dunia.

Seperti yang ditegaskan oleh pemimpin kita, kita tidak menentang pasaran bebas. Tetapi mesti ada sempadan dan peraturan supaya pasaran bebas tidak diperalatkan oleh mereka yang berniat jahat yang boleh menjejaskan keharmonian hidup manusia.

Episod Soros kini bukan saja menimbulkan kemelut mata wang, tetapi digunakan pihak Barat untuk menundukkan kita mengikut kehendak mereka. Tentunya bukan saja perancangan rapi tetapi tindakan bersepadu pelbagai pihak untuk 'mengajar' kita yang berani 'menyongsong arus' ciptaan mereka.

Apakah yang boleh kita pelajari daripada episod Soros, jika kita menggunakannya sebagai bandingan dari segi dasar bahasa kita sendiri seperti yang dilakukan oleh teman saya tadi? Beliau cuma membandingkan keruntuhan apa yang sudah kita bina selama ini.

Saya fikir banyak. Pertama kita perlu jelas dan tegas mengenai prinsip yang kita pegang. Pihak Barat membela Soros demi mempertahankan prinsip pasaran bebas dan sistem kapitalisnya, kerana itu yang berani menentanginya mesti ditundukkan.

Dari segi dasar bahasa kita juga perlu jelas dan tegas jika kita benar-

benar hendak berpegang kepadanya. Oleh itu tidak akan timbul kesangsian daripada pengucapan atau tindakan kita. Sekurang-kurangnya tidak akan terpacul kata-kata `hanya berteori dengan cakap kosong semata-mata, sedangkan dari segi amalannya bahasa Melayu terus terpinggir' daripada Setiausaha KKGBMS terhadap insiden pertandingan bahas tadi.

Walaupun tidak nampak pada mata, kita tahu ada reaksi berpadu daripada pihak Barat yang timbul daripada prinsip yang bersama mereka pegang. Dalam masa kita memperjuangkan dasar bahasa, terlihat ada paduan tindakan semua pihak.

Tetapi kebelakangan ini tidak kelihatan lagi usaha untuk merancang hal bersangkutan bahasa, kecuali DBP dan pihak tertentu seperti TV. TV3 misalnya harus dipuji dari segi ini kerana dalam melayani tenaga pasaran kerana ia harus bergantung hidup atas dasar itu, masih dapat memberi ruang kepada pembangunan bahasa Melayu.

Kita bangga apabila melihat program TV dalam bahasa Melayu janggal dilakukan dalam bahasa itu. Sebaliknya kita berasa jijik melihat ada mereka yang sudah 40 tahun merdeka, masih tidak boleh bertutur dalam bahasa negara, walaupun yang dibicarakan bersangkutan dengan maruah negara, seperti mengambil bahagian dalam sukan antarabangsa.

Saya tidak salahkan mereka, kerana mungkin ada warganegara yang tidak berkesempatan menggunakan bahasa Melayu seperti kes yang dilaporkan sebuah akhbar (Lihat `His Bahasa let Down: Couple unable to speak fluent Bahasa, refused help by Immigration officers', Malay Mail, 6 September 97).

(END)